

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

EUP 403 - Perakaunan Pengurusan

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON:

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 6 muka surat bercetak dan EMPAT (4) soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab semua soalan.

Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan.

Jawab kesemua soalan di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Berikut adalah ringkasan keputusan perniagaan Syarikat Kipasaju bagi tahun berakhir 31.12.1989. Syarikat mengeluarkan sejenis kipas yang digunakan dalam alat penyaman udara. Dalam tahun tersebut 15,000 unit dijangka akan dapat dikeluarkan dan dijual.

	\$	\$
Jualan		600,000
Tolak Kos Perkilangan;		
Bahan mentah	240,000	
Buruh langsung	90,000	
Overhed kilang;		
Berubah	15,000	
Tetap	16,000	

		361,000

		239,000
Tolak lain-lain kos;		
Kos Jualan;		
Berubah	15,000	
Tetap	60,000	
Kos Pentadbiran; Tetap	85,000	

		160,000

Untung bersih		79,000
		=====

Syarikat sedang menyediakan belanjawan untung rugi bagi tahun 1990. Perkara-perkara berikut sedang dipertimbangkan oleh lembaga pengarah.

- (i) Harga jualan akan dikurangkan sebanyak 10%.
- (ii) Unit jualan dijangka meningkat sebanyak 15%.
- (iii) Diskaun sebanyak 10% akan diperolehi untuk bahan mentah.
- (iv) Tambahan kadar upah buruh langsung sebanyak 10% adalah dijangka akan berlaku.
- (v) Kadar kos berubah bagi lain-lain kos tidak akan berubah.
- (vi) Semua kos tetap dijangka tidak akan berubah.
- (vii) Andaikan syarikat tidak menyimpan inventori keluaran siap dan bahan mentah.

Dikehendaki;

- (i) Sediakan belanjawan untung rugi bagi tahun 1990 dengan mengambilkira kesemua perkara-perkara di atas.

(10%)

- (ii) Kirakan titik pulang modal dan margin keselamatan dalam unit bagi Syarikat Kipaslaju untuk tahun 1989.

(5%)

- (iii) Lukiskan satu carta Titik Pulang Modal bagi menunjukkan fungsi-fungsi jumlah kos dan hasil untuk tahun 1989 dan 1990.

Tandakan perkara-perkara berikut pada carta tersebut;

1. Perubahan margin keselamatan.
2. Perubahan untung.

(10%)

- (iv) Dengan ringkas huraikan kegunaan analisis Kos-Volum-Untung dalam pengurusan sesebuah perniagaan dan juga kelemahan-kelemahannya.

(5%)

2. Syarikat Perabot Mudahreput mengeluarkan dua jenis perabot; meja dan kerusi dan dijual secara borongan kepada penjual-penjual perabot di seluruh negara.

Sebagai langkah kawalan, syarikat menyediakan laporan prestasi bulanan bagi tiap-tiap jabatan dengan berasaskan kos-kos standard. Berikut adalah butir-butir mengenai operasi Jabatan Pengeluaran bagi bulan Mac 1990.

...4/-

Keluaran	Unit dikeluarkan	Masa standard seunit dalam jam
Kerusi	800	4.0
Meja	300	6.0
Jam bekerja sebenar		5200 jam
Kadar upah standard		\$ 2.50 sejam
Upah bayar		\$ 11,440

Dikehendaki

- (i) Kirakan kos buruh standard bagi kerusi dan meja. (5%)
- (ii) Kirakan sisihan-sisihan berikut:
1. Varians Kos Buruh langsung.
 2. Varians Kadar Buruh langsung.
 3. Varians Kecekapan Buruh langsung. (9%)
- (iii) Huraikan dengan ringkas maksud kos standard dan perbezaannya dari belanjawan. (5%)
- (iv) Jelaskan faedah-faedah yang didapati oleh sesuatu kilang dari sistem pengkosan standard. (6%)

3. Rakan anda mempunyai sebidang tanah seluas 10 hektar berhampiran dengan kampus Universiti Sains Malaysia Cawangan Perak. Beliau telah menemui anda meminta nasihat mengenai cadangan yang sedang dipertimbangkan berhubung dengan tanah tersebut.

Ada dua pilihan sedang dipertimbangkan. Pilihan pertama ialah memajukan tanah tersebut sebagai kawasan perumahan. Butir-butir mengenai hasil dan belanja yang diramalkan adalah seperti berikut:

Hasil jualan rumah;

Jualan 100 unit rumah pada harga \$41,250 sebuah. Hasil jualan akan diterima seperti berikut;

Tahun	1	2	3
Peratusan harga	30%	40%	30%

Perbelanjaan dan pemasaan pembayaran (\$ 000).

Tahun	1	2	3	Jumlah
Penyediaan tanah	750	-	-	750
Membina jalan	100	150	-	250
Membina saliran najis	-	250	-	250
Membina rumah	400	400	325	1,125
Urusan guaman	100	50	100	250
Pentadbiran	75	75	75	225

Sekiranya projek perumahan ini diluluskan, rakan anda akan mendapat kemudahan overdraf bank. Overdraf akan dibuat pada masa-masa berlaku kekurangan tunai. Faedah 10% setahun dikenakan atas amaun yang digunakan untuk tempoh yang dipinjam. Semua tunai lebihan digunakan untuk membayar hutang sekiranya ada. Lebihan tunai tidak membawa sebarang faedah. Semua hasil dan pembayaran diterima/dibayar secara rata sepanjang tahun.

Pilihan kedua ialah memegang terus tanah tersebut selama 2 tahun dan menjualkannya dengan harga \$900,000 pada masa itu.

Dikehendaki;

- (i) Sediakan belanjawan tunai tahunan untuk projek perumahan bagi seluruh tempoh projek.

(10%)

...6/-

- (ii) Nasihatkan rakan anda tentang cara bagaimana beliau dapat membuat keputusan berdasarkan aliran tunai dari kedua-dua pilihan tersebut.
(8%)
- (iii) Apakah faktor-faktor lain yang perlu diambil kira dalam membuat keputusan di atas selain dari aliran tunai.
(7%)
4. Belanjawan adalah suatu alat yang sekiranya digunakan dengan betul dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan. Bincangkan.
(10%)
- Beri definisi Kawalan Belanjawan dan terangkan langkah-langkah yang terlibat di dalamnya.
(10%)

- 000000 -